

**Pemuda Umno Dan Perdasama Lancar Program Wakaf Al-Quran
Bernama
Ogos 08, 2011**

KUALA LUMPUR, 8 Ogos (Bernama) -- Pemuda UMNO dan Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) melancarkan Program Wakaf Al-Quran dalam usaha menghantar 10,000 naskah Al-Quran ke Kemboja.

Pengerusi Biro Ekonomi dan Pembangunan Usahawan Pemuda UMNO, Datuk Sohaimi Shahadan berkata program itu adalah bagi mengumpul dana RM400,000 bagi menampung kos pencetakan dan penghantaran kitab suci itu.

"Al-Quran dicetak dengan kerjasama Yayasan Restu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program itu di Pejabat Perdasama, di sini, hari ini.

Turut hadi pada pelancaran tersebut ialah Presiden Perdasama Datuk Moehamad Izat Emir.

Sohaimi berkata Al-Quran akan dihantar ke negara itu pada Oktober ini dan dapat membantu kira-kira 500,000 orang Islam Melayu Champa di Kemboja yang menghadapi masalah kekurangan naskah Al-Quran kerana kitab suci itu tiada dijual di pasaran tempatan.

Katanya program itu merupakan kesinambungan penghantaran 10,000 naskah Al-Quran, 200 naskah muqaddam dan 1,000 helai sejadah ke Kemboja oleh rombongan Kementerian Pertahanan dan Yayasan Restu, diketuai Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, pada 27 Julai lepas.

"Sehingga kini kita mendapat sambutan yang menggalakkan malah sebelum pelancaran hari ini ada pihak yang mahu menyumbang RM50,000 dan ada pihak lain yang ingin sumbang 500 naskah Al-Quran kepada program ini," katanya.

Moehamad Izat Emir berkata Perdasama akan menyumbang sebanyak 100 naskah Al-Quran bagi program itu dan turut menubuhkan sebuah sekretariat di Pejabat Pusat Perdasama di sini untuk menguruskan sumbangan bagi program itu.

Mereka yang berminat boleh menyalurkan sumbangan mereka ke akaun Maybank di bawah nama Dana Wakaf Al-Quran di nombor akaun 1627-4013-5601 atau hadir sendiri ke pejabat Perdasama di Jalan Ledang di sini.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=606797>